



SIARAN MEDIA

WEBINAR KONVENTSYEN PENGURUSAN REKOD 2021 : PENGURUSAN REKOD DALAM PERKHIDMATAN AWAM: AMALAN BUDAYA BAHARU

KUALA LUMPUR : 21 September 2021 - YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam hari ini merasmikan Webinar Konvensyen Pengurusan Rekod 2021 dengan tema Pengurusan Rekod Dalam Perkhidmatan Awam: Amalan Budaya Baharu yang dianjurkan oleh Arkib Negara Malaysia. Konvensyen ini akan berlangsung secara dalam talian selama dua hari dari 21 hingga 22 September 2021. Acara konvensyen dimulakan dengan ucapan aluan oleh YBrs. Encik Jaafar Sidek bin Haji Abdul Rahman Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, seterusnya diikuti dengan ucapan pembukaan oleh YBhg. Datuk Wira Dr. Noor Zari bin Hamat, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.

Tujuan diadakan konvensyen ini adalah untuk meningkatkan kefahaman penjawat awam tentang pengurusan rekod kerajaan, meningkatkan kesedaran penjawat awam tentang kepentingan, keselamatan dan pemeliharaan rekod negara; dan memperluaskan jaringan kerjasama strategik dalam kalangan pejabat awam.

Dalam ucapan YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam beliau menyebut/mengesahkan (mohon tambah input ini jika sesuai)

Konvensyen ini dilaksanakan dalam lima sesi dimana panel pembentang terdiri daripada pelbagai bidang dan latar belakang dan pakar dalam pengurusan rekod bagi sektor yang diceburi antaranya dari Universiti Teknologi MARA, Universiti Kebangsaan Malaysia, Penasihat Undang-Undang, Jabatan Peguam Negara, Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Unit Pemodenan Tadbiran dan

Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dan beberapa lagi agensi kerajaan dan swasta. Kebelakangan ini terdapat peningkatan permintaan terhadap khidmat nasihat dan konsultansi pengurusan rekod dari Jabatan dan Agensi Kerajaan mendorong Jabatan Arkib Negara Malaysia untuk memikirkan pendekatan baru yang lebih strategik dan efektif. Oleh itu, Webinar Konvensyen Pengurusan Rekod 2021 dilaksanakan untuk sebagai usaha untuk meningkatkan kesedaran penjawat awam untuk menguruskan rekod kerajaan yang bernilai sebagai memori institusi.

Pengurusan rekod telah melalui pelbagai transformasi dari masa ke semasa sejak dahulu lagi. Terkini perkembangan di dalam pengurusan rekod yang sedang pesat dan giat dilaksanakan adalah seperti Projek *Digital Document Management System* (DDMS) Sektor Awam, MS 2223: 2009 Information and Documentation-Records Management dan Pengurusan rekod selepas bencana dan Pelan Tindakan Bencana Rekod perlu dikongsikan kepada semua pihak yang terlibat bagi memastikan maklumatnya sampai kepada kumpulan sasaran.

Adalah diharapkan penganjuran Webinar Konvensyen Pengurusan Rekod 2021 ini dapat menyalurkan maklumat dan memastikan rekod yang melindungi hak undang-undang dan kewangan organisasi/ institusi, kakitangan dan pemegang taruh dalam keadaan baik dan terpelihara. Diharapkan juga agar program ini dapat memberi pendedahan kepada pejabat awam dalam pengurusan rekod secara sistematik dan menyeluruh.

ARKIB NEGARA MALAYSIA
21 SEPTEMBER 2021

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: -
Seksyen Perhubungan Awam dan Promosi
Arkib Negara Malaysia, Jalan Tuanku Abdul Halim
50568 Kuala Lumpur
Tel: 03-6209 0671/0672/0673/0674
Faks: 03-6201 5679
Emel: pro@arkib.gov.my